



Praktis Ekstra

Bab 1

Jadual dan Graf

1. Namakan jenis graf dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada pernyataan yang diberi.

A	Graf bar mudah
B	Graf gabungan
C	Graf garisan mudah

- (a) Graf yang menunjukkan perbezaan antara dua perkara yang saling berkaitan.
- (b) Graf yang menunjukkan terdapat perubahan jumlah atau nilai yang berterusan.
- (c) Graf yang digunakan untuk mempersembahkan data yang boleh dikira.

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** tentang keistimewaan mempersembahkan sesuatu data dalam bentuk graf dan (✗) pada yang **salah** pada ruang yang disediakan.

- (a) Graf adalah lebih mudah dan cepat disediakan.
- (b) Data lebih tersusun, jelas dan kemas.
- (c) Data lebih mudah ditafsir dan difahami.
- (d) Graf menyukarkan kita membuat perbandingan.
- (e) Data dalam graf lebih mudah dirumuskan.

3. Susun langkah-langkah mentafsir graf mengikut urutan yang **betul**.

Langkah-langkah	Turutan
(a) Perhatikan dan fahami tajuk	
(b) Huraikan aliran perubahan data (graf garisan mudah)	
(c) Huraikan isi tersirat berdasarkan data	
(d) Perhatikan label paksi graf	
(e) Kenal pasti nilai maksimum dan nilai minimum data	
(f) Buat rumusan secara keseluruhan	